



# Nikmat Felda tanpa sempada

Star 3/7/2011 ms 2

Oleh **ARIFUDDIN ISHAK**  
ariff@thestar.com.my

**S**EJAK penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) 55 tahun lalu, organisasi berkenaan terbukti berjaya mencapai objektif utamanya iaitu mengeluarkan masyarakat daripada kepompong kemiskinan.

Jika diamati, tugas Felda bagi membuka tanah rancangan untuk dijadikan kawasan ladang dan penempatan termasuk membangunkan sosialisasi masyarakat peneroka sudah lama berakhir.

Namun, atas dasar tanggungjawab khususnya untuk melihat masyarakat peneroka serta generasi baru terus maju ke hadapan, Felda terus setia berkhidmat memberi sumbangan khususnya dalam penerokaan bidang-bidang baru di luar asas

penubuhannya. Pengarah Besar Felda, Datuk Dzukifli Abd Wahab berkata, sesuatu yang masyarakat hari ini mungkin tidak sedar ialah sumbangan organisasi berkenaan membantu masyarakat peneroka secara lebih meluas tanpa sempadan.


Menurut beliau, Felda bukan sahaja membantu peneroka menguruskan ladang, membentuk menjadi usahawan berjaya malah turut menyumbang ke arah meningkatkan daya kemahiran di kalangan anak peneroka.

"Kumpulan sasaran kita sudah semakin jauh dan melebar. Dahulu kita hanya jaga peneroka, tapi sekarang kita juga bantu generasi muda yang bukan sahaja berada di tanah rancangan malah yang berada di luar," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

> Lagi cerita di muka 3



Kursus bakeri dan pastru dengan tenaga pengajar berpengalaman bagi membantu anak-anak Felda.



## Sokongan dan penyatuan

Menurut Dzulkifli, generasi baru hari ini seharusnya sedar dan menghayati kembali asas penubuhan Felda dalam memastikan pelan pembangunan yang disediakan untuk mereka dapat dilaksanakan mengikut acuan yang diharapkan.

Tambah beliau, penelitian mengenai ramuan kejayaan Felda iaitu membangun secara bersama perlu kembali diterapkan dalam diri masyarakat.

"Generasi baru perlu teliti semula matlamat asal Felda. Kita ini dalam satu kumpulan, membina membangunkan masyarakat secara bersama.

"Dengan cara ini sahaja kita dapat membina kekuatan dan amat mudah bagi Felda untuk terus bergerak jauh ke hadapan apabila mendapat sokongan padu daripada warga peneroka dan generasi baru," katanya.

Jelas Dzulkifli yang menyertai Felda sejak tahun 1977, organisasi itu memerlukan sokongan dan penghayatan daripada semua peringkat bagi memastikan proses pembangunan dilakukan dengan lancar.

Menurutnya, usaha Felda ke arah membangunkan masyarakat yang mampu bersaing dan sekali gus boleh memberi sumbangan kepada negara akan menjadi sia-sia sekiranya tidak mendapat kerjasama baik daripada generasi peneroka.

"Banyak agenda kita seperti untuk membangunkan potensi masyarakat memerlukan sokongan.

"Sebab itu kita mahu masyarakat peneroka bersatu teguh untuk sama-sama membangunkan masyarakat dan negara," katanya.

## Seiring menyumbang

Menyedari cabaran yang dihadapi Felda kini berbeza sewaktu di awal penubuhannya, sumbangan dan bantuan terutama dari segi garapan idea amat diperlukan daripada



Penekanan terhadap peningkatan daya kemahiran khusus di kalangan generasi muda menjadi keutamaan Felda.

khusus melibatkan anak Felda dalam bidang profesional.

"Bukan itu sahaja, Alumni Asrama Semai Bakti Felda juga turut bersama-sama kita dalam usaha membangunkan generasi baru," katanya.

Tambah Dzulkifli, Felda sebagai satu entiti bersendirian tidak mampu melaksanakan tugas mencabar itu melainkan mendapat sokongan kumpulan NGO terbabit.

"Alhamdulillah, kumpulan NGO ini nampak bahawa sekiranya Felda sahaja yang lakukan semua usaha ini, barangkali impaknya tidaklah seberapa.

"Sebab itu mereka beri sumbangan untuk sama-sama membangunkan potensi modal insan untuk generasi baru," katanya.



"Generasi baru perlu teliti matlamat asal Felda," Dzulkifli Abd Wahab.

diperlukan khususnya daripada anak-anak peneroka sendiri.

Golongan berkenaan yang kini kebanyakannya berada bandar-bandar besar diseru supaya kembali menyumbang khusus kearah pembangunan modal insan.

“Ada banyak NGO (pertubuhan bukan kerajaan) ditubuhkan berkaitan pembangunan generasi baru seperti Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) yang

katanya.

### Penghayatan dan penerimaan

Secara rawak sukar dijangka sama ada generasi kedua yang berjumlah kira-kira 590,000 orang seluruh negara memahami peranan yang dimainkan Felda ketika ini.

Bagaimanapun menurut Dzulkipli, menerusi pelbagai program

penerangan dan pendedahan yang dianjurkan di tanah rancangan, dipercayai golongan berkenaan mula menyambut baik usaha berkenaan.

“Menerusi program-program yang kita anjurkan, nampaknya mereka mula memahami hasrat itu.

“Mereka tahu program Felda sekarang ini lebih menjurus kepada pembentukan modal insan kepada

generasi baru,” katanya.

Bukan itu sahaja, sambutan terhadap program dan skim-skim latihan yang ditawarkan Felda sering mendapat perhatian dan permintaan yang menggalakkan.

“Menerusi skim latihan yang kita tawarkan ia sering mendapat sambutan.

“Sasaran kita untuk mendapat empat hingga lima ribu penyertaan setiap tahun memang mencapai sasaran,” katanya.

Sementara itu bagi menyahut peluang yang disediakan kerajaan melalui pelaksanaan Program

Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Felda turut tidak ketinggalan untuk mengambil bahagian.

“Pelan Inovasi dan Transformasi Felda akan berpaksikan kepada lima tunggak iaitu kepelbagaian pendapatan tinggi, pengeluaran berkualiti, kehidupan moden dan masyarakat moral serta progresif.

“Kelima-lima tunggak ini akan didorong oleh infrastruktur bertaraf tinggi serta komuniti yang kaya dengan bakat berkemahiran tinggi bagi mencapai hasrat serta visi Felda,” katanya.



Pusat latihan banyak disediakan untuk mengasah kemahiran anak-anak Felda.



Industri ringan turut diberi penekanan sebagai salah satu pembangunan Felda.